

Kerjasama perlu untuk cekapkan pengurusan — PM

U.M. 10 SEP 1993

KUALA TERENGGANU
9 Sept. — Wakil-wakil rakyat dan pegawai tadbir kerajaan perlu bekerjasama bagi meningkatkan kecekapan pengurusan, kata Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kecekapan pengurusan merupakan faktor penting untuk membantu negara terus membangun dengan pesat dan mendapat penghormatan dunia.

Katanya, kedua-dua pihak yang melaksanakan peranan penting ini harus menyetepikan persoalan titik bengkok yang mungkin menjejaskan kerjasama dan kesempurnaan pengendalian tugas.

Mereka, jelas beliau, harus terus bekerja dengan penuh dedikasi dan

menumpukan usaha membangunkan negara dengan tidak membiarkan sebarang perselisihan dalam masyarakat mempengaruhi mereka.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis makan tengah hari bersama-sama pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat di kediaman Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di sini hari ini.

Beliau menegaskan, adalah menjadi tanggungjawab bersama wakil rakyat dan pegawai kerajaan mentadbir sumber kekayaan negara dan menyusun masyarakat agar berkemampuan, berdikari serta mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan.

“Malaysia sudah berjaya dibandingkan dengan negara membangun lain. Kita bersyukur kerana ia hasil usaha kita, dan ia berlaku kerana iklim politik yang stabil.

“Kita dikenali sebagai negara contoh baik dari segi politik, berbilang kaum, pembangunan ekonomi dan hubungan sosial tetapi kita tidak boleh angkuh dan sombong dengan pencapaian itu.

“Orang yang berjaya, jika angkuh dan berpuas-hati akan jatuh sekali lagi. Kita harus merendah-dahkan diri tetapi pada masa yang sama tingkatkan keupayaan kita,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, sehubungan itu kerjasama yang rapat kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat perlu diteruskan agar negara terus dibangunkan dan dihormati.